




AKSI Bunyamin Umar (kanan) ketika mewakili Malaysia menentang Arsenal dalam satu perlawanan persahabatan.

Budak 'buas' timba ilmu di Chelsea

Oleh ROZAIDI ZULKIFLI
rozaidi.zulkifli@mediamulia.com.my

BUNYAMIN Umar atau dikenali sebagai 'orang besi' dalam kalangan pemain bola sepak Liga Malaysia (Liga M) ketika masih bergelar pemain bola sepak profesional dek kerana sikap dan cara permainan kerasnya dalam padang.

Mengimbu permulaan pemain kelahiran Sik, Kedah itu menjadi pemain bola sepak, dia adalah seorang yang nakal di kampung, namun bola sepak berjaya mengubah kehidupannya.

Bakatnya terserlah sejak di sekolah rendah dan mewakili Kedah dalam Kejohanan Majlis Sukan Sekolah Sekolah Malaysia (MSSM) pada usia 10 tahun.



CERITAKU

Minatnya diteruskan ke Kolej Sultan Abdul Hamid sebelum berhijrah ke Sekolah Sukan Bandar Penawar yang kini dikenali Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail sehingga berusia 15 tahun.

Dia kemudiannya berpindah ke Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) dan bersama pasukan bawah 20 tahun negara, sebelum mewakili Kedah pada 2005 hingga 2007, UPB MyTeam (2007-09), Selangor (2009-2017) dan menamatkan karier bola sepak profesionalnya bersama Sri Pahang.

"Saya kalau dalam kampung memang buas, boleh kata buas yang tak ada masa depan. Tetapi sukan bola sepak dan kemahuan saya keluar dari Sik berjaya menjadikan saya seperti sekarang.

"Dari kecil saya tidak berhenti main bola bermula sekolah rendah sampai mewakili skuad kebangsaan. Tapi dalam masa sama saya tidak tinggal belajar kerana saya fikir sampai bila saya akan main bola.

"Pelajaran akan bantu saya lepas itu. Justeru, saya berjaya miliki ijazah sarjana muda dalam bidang Pembangunan Sumber Manusia di Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Apa pun Cikgu Norliza menjadi watak penting untuk

saya capai di tahap ini kerana beliau yang bertungkus-lumus urus dokumen, sijil, borang serta segalanya untuk keluaran saya dari Sik ke Sekolah Sukan Bandar Penawar.

"Saya mula wakili Malaysia bersama skuad bawah 14 tahun, seterusnya B-17 dan sehinggalah berada dalam skuad kebangsaan," katanya.

Bunyamin turut berkongsi kisah kecederaan yang dialaminya sepanjang bermain bola dengan lutut kanannya sebanyak tiga kali *anterior cruciate ligament* (ACL) dan lutut kiri.

Semangat juang dimiliki, membuat dirinya terus bermain hingga dia sendiri berasakan sudah tiba masa untuk menggantung but dan Sri Pahang menjadi pasukan terakhirnya.

"Kalau orang fikir mustahil untuk main bola lagi kerana lutut kanan tiga kali ACL, lima kali artroskopi dan lutut kiri sekali ACL. Tapi ini kerjaya kita dan masa depan kita, jadi kena terusny sehingga dapat jana pendapatan lain.

"Saya ada buat perniagaan. Alhamdulillah, cukup untuk menampung kehidupan saya sekeluarga lepas tidak lagi main bola. Pemain bola ada jangka hayat, macam saya, memang saya ada pelan beraksi berapa lama dan selepas itu nak buat apa," jelasnya.

Buyamin yang kini berusia 37 tahun, juga pernah menimba ilmu di Chelsea selama sebulan bersama seorang lagi pemain iaitu Baddrol Bakhtiar.

Katanya, walaupun banyak pengalaman diperolehi dia agak menyesal kerana tidak mengambil gambar bersama bintang Chelsea ketika itu antaranya Didier Drogba, Nicolas Anelka dan Frank Lampard.

"Masa dekat Chelsea, saya berpeluang berlatih selama sebulan di Cobham. Saya tengok memang corak permainan mereka keras. Banyak perkara saya dapat belajar ketika di sana.

"Dekat sana makan di tempat yang sama dengan bintang-bintang Chelsea, jadi ada masa itu nampak Anelka, saya minta Bad tolong ambil gambar tetapi Bad kata kita pun *star* (bintang) juga," katanya.

Anak bongsu daripada lapan adik beradik itu juga mengingatkan pemain muda supaya merancang masa depan dan tidak boros ketika memiliki pendapatan besar kerana sebaik sahaja karier berakhir tiada siapa akan tolong apabila mengalami kesusahan.



BUNYAMIN Umar (barisan depan, tengah) bersama rakan sepasukan dalam aksi Kelayakan Piala Dunia Remaja di Nagoya, Jepun pada 2000.

BUNYAMIN UMAR

Umur: 37 tahun

Tarikh lahir:
7 Januari 1988

Tempat lahir: Sik, Kedah

Posisi: Pemain tengah, pertahanan tengah, kiri dan kanan

Kelab diwakili:
Kedah, UPB-MyTeam, Selangor, Sri Pahang

Pencapaian: Menang *double treble* (Liga Super, Piala FA, Piala Malaysia) bersama Kedah, Liga Super, Piala Malaysia (Selangor) dan Piala FA bersama Sri Pahang.